

ORGANISASI DALAM PERUT:

Satu Kajian Kes Di Kampung Pegoh

Wilayah Naning, Melaka

Oleh

Abu Hasan bin Jaalam

Latihan Ilmiah Untuk Memenuhi
Syarat-syarat Bagi Ijazah Sarjana Muda
Sastera (dengan Kepujian)

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Universiti Kebangsaan Malaysia
1974/1975

SINOPSIS

Komuniti matrilineal telah banyak diperbincangkan dalam kaji-lidikan mahasiswa bagi tujuan latihan ilmiah, tetapi kesemua kajian-kajian ini ditumpukan kepada komuniti matrilineal dalam Negeri Sembilan. Kajian tentang komuniti matrilineal di Wilayah Naning khususnya belum mendapat perhatian yang begitu serious dari pengkaji-pengkaji.

Bagi memperluaskan bidang kajian tentang komuniti matrilineal di Wilayah Naning, penulis akan mengkaji perkembangan komuniti ini dari sudut kaji budaya, yang akan ditumpukan dalam kajian Organisasi Dalam Perut. Penulis akan melihat sejauhmanakah perut dapat memainkan peranan untuk mengekalkan perpaduan anggota-anggota dan menyelesaikan konflik. Bagaimanakah penyelesaian ini berguna untuk membuat penyesuaian dengan perubahan politik dan ekonomi. Dalam konteks ini penulis melihat organisasi perut dari dua dimensi iaitu dari segi peranan dan fungsi ketua adat serta individu-individu yang menganggotai satu-satu perut khasnya dan suku amnya.

Bab I sebagai pengenalan, antara lain menghuraikan latar belakang keadaan ekonomi dan keadaan Ilmu Alam di kawasan kajian.

Dalam Bab II penulis membincangkan beberapa konsep penting yang akan menjadi teras perbincangan selanjutnya. Misalnya konsep suku dalam perut, ideologi kesukuan, perut-perut dalam suku, jurai-jurai dalam

perut, anak buah dalam suku dan kedin-kedeh dalam perut. Manakala dalam Bab III kajian ditumpukan kepada "hiraki sosial dan pimpinan dalam perut". Antara lain penulis akan melihat konsep hiraki dalam komuniti Adat Per-Pateh. Dalam membincangkan konsep ini, penulis akan melihat dua bentuk pimpinan iaitu bentuk pimpinan tradisional dan keduanya bentuk pimpinan birokrasi. Bab ini juga membincangkan hiraki pimpinan dalam perut iaitu penulis melihat sejauh manakah peranan buapak dan kedin sebagai ketua bagi satu-satu perut dan jurai mentadbir keseluruhan anak buahnya. Dalam Bab IV, penulis menghuraikan organisasi dalam perut dalam konteks kekeluargaan, perkahwinan dan pemilihan jodoh.

Dalam Bab V penulis melihat peranan perut dalam menyelesaikan sebarang konflik, misalnya konflik yang timbul antara adik beradik berhubung dengan pembahagian tanah pesaka. Sejauh manakah peranan buapak dan kedin dalam menyelesaikan sebarang konflik yang timbul dan bagaimanakah penyelesaian dibuat.

Bab VI menghuraikan adat dan perubahan, satu refleksi dari perubahan-perubahan di peringkat perut. Bentuk perubahan-perubahan yang dilihat ialah dalam konteks susunan dan hubungan kekeluargaan, organisasi ekonomi, semenda menyemenda dan perubahan pimpinan dalam perut.

Bab VII merupakan kesimpulan daripada keseluruhan perbincangan.

PENGHARGAAN

Dalam membuat kajian ini, saya banyak berhutang budi kepada beberapa orang yang sedia memberi pertolongan, kerjasama dan bimbingan dan kepada mereka ini semua saya ucapkan terima kasih. Teristimewa sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada penyelia saya, Encik Mohd. Dahlan Hj. Aman, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Dalam usaha mengawasi penulisan ini, Encik Mohd. Dahlan telah membuat teguran-teguran yang membina dan setelah menyemak kajian ini dengan cara yang penuh teliti, saya telah dapat menyiapkan seperti bentuknya sekarang ini. Dalam keadaan yang sebuk itu Encik Mohd. Dahlan telah dapat juga meluangkan masanya untuk mengawasi penulis. Atas pengorbanan yang dibuat oleh Encik Mohd. Dahlan, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

Saya juga mengambil kesempatan di sini mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Sidang Othman bin Ibrahim, Hj. Jaalam bin Hj. Idris, Hajjah Nyonya binti Taib, Encik Hitam bin Mula dan penduduk-penduduk kampung Pegoh, atas kerjasama yang diberikan semasa saya berada di kawasan kajian.

Saya juga merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Sdri. Zawiah Yussof yang telah banyak memberikan pertolongan dengan tidak mengira masa dan tenaga untuk menyiapkan latihan ilmiah ini. KEPADANYA sekali lagi

saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

Akhirnya terima kasih diucapkan kepada kakitangan pejabat Penghulu Alor Gajah, Pustakawan dan kakitangan perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya, Arkib Negara Malaysia kerana kemudahan dan kerjasama yang diberikan. Juga kepada saudara Mohd. Sahir Naim kerana pertolongan beliau menaip latihan ilmiah ini. Kepada semuanya saya ucapkan TERIMA KASIH.

Abu Hasan bin Jaalam
Universiti Kebangsaan Malaysia
Kuala Lumpur.

Kuala Lumpur
Februari, 1975.

SINGKATAN

JMBRAS : Journal of The Malaysian Branch Royal Asiatic
Society

JADUAL

		Halaman
1.	Jadual 1.1 : Banci Penduduk Dan Perumahan Kampung Pegoh Tahun 1970	2
2.	Jadual 1.2 : Bilangan Isi Rumah Mengikut Kampung-Kampung Wilayah Naning, Melaka	7
3.	Jadual 5.1 : Masa Penyelesaian Konflik Di Kampung Pegoh, Wilayah Naning, Melaka	89
4.	Jadual 6.1 : Penggunaan Trektor Dalam Penyediaan Sawah Di Kampung Pegoh	101
5.	Jadual 6.2 : Penggunaan Tenaga Menyeraya Dalam Penyediaan Sawah Di Kampung Pegoh, Wilayah Naning, Melaka	101

KANDUNGAN

	Halaman
SINOPSIS	ii
PENGHARGAAN	iv
SINGKATAN	vi
JADUAL	vii
KANDUNGAN	viii
 BAB I : PENGENALAN	 1
1.1 : Tujuan Kajian	1
1.2 : Kawasan Kajilidik	2
1.3 : Persoalan Pokok	3
1.4 : Hipotesis	4
1.5 : Method Kajilidik	4
1.6 : Ilmu Alam	5
1.7 : Ekonomi	8
 BAB II : KELOMPOK SOSIAL ATAS FAKTOR ADAT	 11
2.1 : Suku Dalam Adat	11
2.2 : Ideoloji Kesukuan	17
2.3 : Perut-Perut Dalam Suku	21
2.4 : Jurai-Jurai Dalam Perut	26
2.5 : Anak Buah Dalam Suku	28
2.6 : Kediri-Kedeh Dalam Perut	37
 BAB III : PERUT DILIHAT DARI SEGI HIRAKI SOSIAL DAN PIMPINAN ..	 39
3.1 : Sistem Pimpinan Tradisional	39
3.2 : Susunan Tadbiran Adat Selepas Kedatangan Inggeris	42

3.3 : Hiraki Pimpinan Dalam Perut	...	...	...	47
3.4 : Buapak	...	...	...	47
BAB IV : ORGANISASI DALAM PERUT	...	...	...	53
4.1 : Kekeluargaan	...	...	...	53
4.2 : Perkahwinan	...	...	...	65
4.3 : Pemilihan Jodoh	...	...	...	80
BAB V : PERUT SEBAGAI SATU MEKANISMA SOSIAL	...	...	...	87
5.1 : Penyelesaian Konflik	...	...	...	87
5.2 : Alternatif Dari Segi Jalan Buntu Dalam Hidup Bersuku				90
BAB VI : ADAT DAN PERUBAHAN SATU REFLEKSI DARI PERUBAHAN-PERUBAHAN .				
DI PERINGKAT PERUT	...	...	...	96
6.1 : Aliran Tua	...	...	...	96
6.2 : Aliran Kaum Belia/Pemuda	...	...	...	97
6.3 : Susunan Kekeluargaan	...	...	...	97
6.4 : Organisasi Ekonomi	...	...	...	99
6.5 : Hubungan Kekeluargaan	..	...	...	102
6.6 : Semenda Menyemenda	...	...	...	103
6.7 : Perubahan Pimpinan	...	...	...	104
BAB VII : KESIMPULAN	...	...	...	105
BIBLIOGRAFI	...	...	...	111
LAMPIRAN : Lampiran 1 : ATURAN HUKUM BUNUH	...	...	...	113
Lampiran 2 : NAMA-NAMA PENGHULU NANING SEJAK ZAMAN PORTUGIS HINGGA SEKARANG 1632 - SEKARANG	...	...	...	116
Lampiran 3 : PETA DAERAH ALOR GAJAH DAN WILAYAH ADAT NANING	...	...	...	118

BAB EMPAT

ORGANISASI DALAM PERUT

4.1 : Kekeluargaan

4.2 : Perkahwinan

4.3 : Pemilihan Jodoh

ORGANISASI DALAM PERUT

4.1 : Keluargaan.

(a) Peristilahan Dalam Keluarga.

Sistem keluargaan dalam Adat Perpatih menggunakan peristilahan tertentu yang sedikit sebanyak membayangkan tentang sistem keturunan nisab ibu. Istilah-istilah yang digunakan seperti induk bagi kerabat-kerabat emak saudara dan kemulah bagi bapa saudara atau mother's brother menekankan garis keturunan nisab ibu. Istilah sanak juga digunakan bagi golongan kerabat-kerabat pihak ibu yang mana menggambarkan kerabat-kerabat dari pihak ibu sebagai golongan lebih utama dari golongan pihak bapa. Namun begitu dalam Adat Perpatih tidak pula kepentingan golongan kerabat-kerabat pihak bapa diketepikan, malah dapat dikatakan bahawa garis keturunan dari pihak bapa adalah bersifat sebagai kaitan melengkapi atau complementary filiation⁴⁰ kerana kaitan keluargaan dari pihak bapa itu penting dalam beberapa soal seperti dalam perkahwinan, bapa dan waris lelaki sebelah bapa mempunyai hak dan tanggungjawab sebagai wali.

Sistem peristilahan ini tidak membayangkan corak perkahwinan samada yang terdapat pada masa tradisi atau yang terdapat sekarang. Di Wilayah Adat Perpatih dapat dilihat adanya hubungan tatatertib perilaku

40. Lihat R. Fox, 1967, Kinship and Marriage, A Pelican Original, Penguin Book Ltd., England, Halaman 133.

dengan sistem peristilahan ini. Sifat sopan santun dalam pergaulan antara kerabat-kerabat yang berlainan jenarasi tergambar dalam penggunaan istilah panggilan (term of address).

Dalam menggolongkan kerabat-kerabat itu ke dalam beberapa kategori tertentu beberapa faktor telah digunakan sebagai dasar. Faktor-faktor yang digunakan ialah faktor jenarasi, umur, hubungan consanguineal, perkahwinan, jantina, linealty dan laterality.

Bagi sebuah famili asas (nuclear family) yang biasanya terdiri dari seorang bapa, ibu dan anak-anak yang belum berkahwin, istilah sebutan dan istilah panggilan yang digunakan adalah seperti di bawah.⁴¹

<u>Istilah Sebutan</u>	<u>Istilah Panggilan</u>
Bapa, abah, ayah	bapa, 'pak', abah, ayah
Emak, ibu	emak, mak
Anak	(nama atau nama timang-timangan)
Abang	abang, 'bang', abang + nama
Kakak	kakak, 'kak' + aturan kelahiran = long, ngah, acik, kak + nama
Bapa tiri	abah, pak, pak cik.
Adik beradik tiri	(seperti adik-beradik kandung)
Emak tiri	mak, emak, mak cik.

41. Zainal Kling, "Sistem Kekeluargaan Di Melaka Utara", Thesis untuk M.A., Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1969, halaman 104.

Istilah Sebutan

Adik beradik tiri

Bini, isteri

Istilah Panggilanbapa atau abah + nama
anak, nama, abang.nama, emak + nama anak
adik.

Istilah-istilah yang digunakan di atas merupakan lebih banyak perkataan dasar (elementary terms) bagi menafsirkan kerabat-kerabat hubungan pertama dengan ego, kecuali kerabat-kerabat yang ujud dari perkahwinan poligini (polygyny)⁴² yang mana perkataan tiri digunakan dan digabungkan dengan perkataan dasar yang lain-lain yang sesuai dengan kerabat-kerabat misalannya bapa, emak atau adik-beradik. Istilah panggilan yang digunakan bagi bapa tiri (suami emak yang bukan bapa sendiri) adalah dibezakan dengan istilah panggilan dari bapa sendiri (suami emak yang melahirkan ego), sebutan untuk bapa sendiri ialah bapa, abah atau ayah manakala untuk bapa tiri ialah pak cik dan kadang-kadang disebut bapa, abah, ayah.

Oleh kerana bentuk famili di Kampung Pegoh adalah bersifat matri-focal yakni kelompok itu berpusat kepada perkelompokan antara ibu dengan anak-anaknya maka sekiranya terjadi penceraian antara isteri dan suami, maka anak akan menjadi anggota ibunya. Jadi di sini mereka membentuk

42. Perkahwinan poligini di mana dua orang perempuan menjadi isteri kepada seorang lelaki pada satu masa tidak didapati di Kampung Pegoh. Apa yang terdapat ialah seorang perempuan janda dan mempunyai anak berkahwin pula dengan seorang lelaki. Jadi hubungan tiri ialah antara anak dengan bapa tiri.

satu kelompok asas. Sekiranya suami tadi berkahwin lain maka anak-anaknya menggunakan istilah mak cik kepada isteri keduanya itu. Keadaan ini agak berbeza dengan istilah panggilan kepada emak sendiri.

Faktor-faktor perbezaan dalaman seperti umur, jantina dan tertib kelahiran menentukan pangkat panggilan di kalangan adik beradik. Adik beradik lelaki yang tua dari ego dipanggil abang dan sekiranya jumlahnya ramai istilah panggilan yang digunakan mengikut tertib kelahiran mereka. Abang yang tertua (sulung) dipanggil abang long, di bawahnya abang lang, abang ngah dan di bawahnya abang cik (kecil). Bagi adik beradik perempuan yang tua dipanggil kakak dan sekiranya ramai istilah panggilan yang digunakan juga menurut tertib kelahiran mereka.

Adik beradik yang kecil dari ego adalah semuanya disebut adik beradik dan tidak di bezakan umur, tertib kelahiran dan jantina mereka. Panggilan pada adik-adik dengan panggilan nama sahaja seperti Zawiah, Napsiah atau dengan panggilan nama timang-timangan seperti Buruk atau comel, juga diamalkan.

Ibu kepada ego adalah isteri kepada bapanya dan sebaliknya bapa kepada ego adalah suami kepada ibunya. Istilah panggilan antara suami dan isteri (atau laki dan bini) pada umumnya menggabungkan nama suami atau isteri dengan nama anak seperti abah budak Kassim atau pun mak budak Tajul. Terdapat juga suami memanggil isterinya dengan nama sahaja atau di kalangan muda ada yang memanggil dengan panggilan adik. Pihak isteri pula ada yang memanggil suaminya abang. Namun ada juga

yang tidak menggunakan apa-apa istilah tetapi hanya dengan 'oi' sahaja. Sekiranya seorang lelaki berkahwin lebih dari seorang, istilah panggilan di kalangan isteri adalah menurut umur atau baya. Selalunya isteri yang muda memanggil yang tua sebagai kakak.

Di dalam sistem istilah di atas jelas menggambarkan adanya kenyataan pangkat.⁴³ Kerap juga orang menggunakan istilah pangkat ini dalam menyatakan status atau taraf kerabat itu di dalam struktur hubungan anggota-anggota keluarga baik pada taraf yang tinggi yakni pangkat jenarasi atas atau taraf rendah yakni pangkat jenarasi rendah. Sekiranya disebut pangkat dalam Adat Perpatih misalnya, "Dia itu pangkat abang kepada saya", situasi itu menunjukkan adanya hubungan kerabat antara individu-individu yang terlibat itu. Adalah diharapkan di dalam Adat Perpatih individu-individu yang menduduki satu rank atau pangkat akan berkelakuan sesuai dengan pangkatnya itu. Sekiranya pangkat tinggi, hendaklah ia memberi contoh tauladan yang baik di dalam keluarga; jika pangkat rendah, mestilah ia memberi hormat kepada pangkat yang lebih tinggi.

(b) Kedudukan Isteri Di Dalam Keluarga.

Pada idealnya, sistem Adat Perpatih meletakkan kaum ibu dan anak-anaknya ke dalam satu kelompok yang terasing daripada kaum ibu dan

43. Pangkat di sini tidak membawa apa-apa implikasi besar kecil atau tinggi/rendah hubungan antara kerabat. Ertinya tidak ada corak struktur seperti yang disebut 'age-group structure' di mana orang pada satu-satu lengkungan umur membentuk satu kelompok sosial.

anak-anaknya ke dalam satu kelompok yang terasing daripada kaum suami atau kaum bapa. Ini adalah satu pengharapan yang ideal, dan pada actual type construct yang ideal ini menyumbangkan suatu konstrain atau tekanan sosial yang bukan sedikit pengaruhnya. Perlanggaran terhadap tekanan sosial ini sering menimbulkan konflik yang merentas pertimbangan-pertimbangan suku.

Kedudukan isteri atau ibu di dalam famili, di kawasan kajian penulis, dikaitkan dengan roj yang penting dalam urusan rumah tangga dan sosialisasi anak. Hubungan yang rapat bagi isteri dengan rumah tangga dan anak-anaknya menyebabkan si isteri senantiasa tinggal di rumah. Situasi mungkin menyekat penyertaan kaum ibu dalam persatuan atau pergerakan politik. Keadaan ini juga menyebabkan hubungan isteri dengan anak-anak lebih rapat, hatta menjelmakan suatu hubungan emosi yang mendalam.

Terdapat juga situasi di mana anak-anak terlalu dimanjakan sehinggakan ibu-ibu terlalu menurut kehendak hati anak manjanya itu. Bagaimanapun, kaum ibu, di Kampung Pegoh, tidak lagi terikat di dapur semata-mata. Dengan pembukaan kilang kasut dan batik di Alor Gajah, telah terdapat ramai suri-suri rumah tangga yang pergi bekerja di situ untuk menambah pendapatan keluarga. Mereka juga ke ladang getah untuk menolong suami mereka menoreh. Di masa ke sawah pula, isteri-isteri akan turun ke sawah membuat kerja-kerja yang dikhaskan untuk wanita seperti membuat permatang, mencabut benih padi dan mengubah (menanam anak padi). Manakala pekerjaan yang kuat seperti membajak dan menyikat adalah dilakukan

oleh orang lelaki. Jadi di sini dalam kehidupan sehari-hari wanita bekerjasama dengan suaminya untuk menarai dan membela anak-anak⁴⁴

Satu-satunya peranan penting yang dihubungkan dengan kaum ibu ialah menjadi ejen sosialisasi kepada anak-anak. Satu hal yang menarik berhubung dengan proses sosialisasi di Kampung Pegoh ialah sekarang ini peranan ibu itu telah diperlengkapkan lagi dengan institusi-institusi sosialisasi yang formal. Selain daripada sekolah rendah, Kampung Pegoh kini mempunyai sebuah tadika (kelas kindergarten) dan tiga buah pusat pengajian kuran.

Kedudukan kaum ibu agak istimewa dalam hubungan dengan hal-hal bersabit dengan harta. Isteri mempunyai hak dalam penjualan harta baik harta miliknya mahupun harta bersama dengan suaminya. Setengah-setengah harta carian isteri seperti ternakan dan harta-harta kemas, pihak suami tidak mempunyai hak untuk menjualnya. Bagaimanapun, perkara ini pada analisa terakhirnya adalah bergantung pada sifat perkongsian dan persefahaman antara suami isteri, dan juga hubungan antara suami sebagai orang semenda dengan pusat kewibawaan di tempat semenda.

Dalam hal ugama, di Pegoh terdapat perempuan-perempuan yang dilantik sebagai Imam perempuan. Sungguhpun pada idealnya peranan kuasa dan kekuasaan dalam masyarakat Perpateh di tangan lelaki, tetapi keadaan

44. M.G. Swift, Malay Peasant in Jelebu, London School of Economic, Monographs of Social Anthropology, No. 29, The Athlone Press, London 1965, halaman 105.

sekarang kian mencabar, kalau tidak menggugat, struktur kuasa dan kekuasaan ini.

(c) Kedudukan Suami Di Dalam Keluarga.

Di dalam masyarakat matrilineal, seorang lelaki apabila berkahwin atau menyemenda, ia tinggal dengan isterinya dan di tempat orang semenda.⁴⁵ Pola penempatan selepas perkahwinan yang semacam ini dikatakan uxori atau matrilocal.

Suami tidak mempunyai sebarang kuasa di dalam suku isterinya. Mengikut sistem pengharapan di kalangan kelompok tempat semenda, si suami/ bapa sebagai orang semenda diharapkan menjalankan rol bapa biologi (biological father) di samping tertakluk kepada adat tempat semenda. Mengikut adat ini, ia harus akui kewibawaan orang semendanya dan dengan itu, ia tidak mempunyai kuasa adat ke atas isteri dan anak-anaknya. Kedudukan orang semenda dengan tempat semendanya terdapat di dalam perbilangan adat:

"orang semenda dengan tempat semendanya
Bagai timun dengan durian:
menggolek luka, digolek pun luka...."⁴⁶

45. A.I. Richards, "Some Types of Family Structure Among The Central Bantu", in A. R. Radcliffe - Brown & D. Fordes (eds), African Systems of Kinship and Marriage, Oxford University Press, London 1958, halaman 209.

46. Mohamed Din Ali, Sambaan Cakap dan Pepatah Adat Melayu, The Economy Printers Ltd., Kuala Lumpur, 1957, halaman 64.

Hubungan yang ideal antara orang semenda dengan tempat semendanya kerap kali didapati berlainan daripada yang berlaku. Kerap terjadi suami enggan tunduk kepada orang semendanya lebih-lebih lagi dalam situasi di mana dia mempunyai pekerjaan dan kedudukan ekonomi yang tinggi. Apabila berlaku situasi begini, suami ingin berkuasa di dalam rumah tangganya dan ini sering memungkinkan wujudnya hubungan yang tegang antara orang semenda dengan tempat semendanya. Keadaan ini telah kerap menimbulkan perpecahan famili atau perceraian.

Walaupun pada idealnya suami tidak mempunyai apa-apa kuasa di dalam suku isterinya namun adat tetap menghargai dan menghormatinya, sesuai dengan rol yang dapat diharapkan daripadanya. Tiap-tiap orang semenda ada gunanya seperti kata perbilangan:

"Orang semenda tempat semanda,
 Jika cerdik teman berunding
 Jika bodoh dirusuh arah;
 Tinggi banir tempat berlindung
 Rimbun daun tempat bernaung.
 Disuruh pergi, dipanggil datang,
 Yang buta menghembus lesong,
 Yang berani kepada lawan.
 Kalau kaya hendakkan emasnya,
 Kalau maalim hendakkan doanya".⁴⁷

Pada masa sekarang keadaan yang sedemikian tidak lagi diikuti. Ramai orang semenda yang tinggal berasingan dengan famili prokriasinya. Namun demikian bila berlaku krisis, seperti hendak menjalankan perkahwinan

47. Abdul Rahman Hj. Mohammad, Dasar-dasar Adat Perpatih, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1964, halaman 40.

atau berlaku pergaduhan, si suami masih lagi merujuk hal ini kepada kedin, buapak atau Lembaga.

(d) Kedudukan Anak Di Dalam Keluarga.

Pada idealnya, hubungan anak dengan bapa adalah menjelmakan hubungan tempat semenda dengan orang semenda. Dalam hal ini, perbilangan ada mengatakan:

"Ketika kecil adalah anak,
Sudah besar adalah tempat semenda".⁴⁸

Maksud perbilangan di atas menunjukkan ketika si anak masa kecil ianya adalah menjadi anak kepada bapanya tetapi apabila anak itu telah besar ia adalah menjadi tempat semenda kepada ayahnya.

Di dalam ideologi ini, anak lelaki mempunyai kewibawaan (dalam keadaan yang extreme) untuk menyingkir bapanya jika bapanya itu tidak berlaku adil kepada ibunya, ataupun amnya kepada sistem pengharapan tempat semenda.

Pada umumnya anak adalah diharapkan menolong ibu bapa ketika ibu bapa telah tua. Anak perempuan akan membantu menguruskan soal-soal memasak, mambasuh pakaian dan juga membersihkan kawasan rumah. Bagi anak lelaki

48. Haji Mohd. Din bin Ali, "Malay Customary Law/family", Intisari, Vol. 2, No. 2, Malaysian Sociological Institute Ltd., Singapore, halaman 42.

pula apabila telah bekerja diharapkan akan membantu serba sedikit soal perbelanjaan rumah, juga membantu bapa mengerjakan sawah. Ibu bapa menaruh harapan yang besar kepada anak-anak agar menolong mereka ketika tua kelak. Anak-anak yang memenuhi harapan ini adalah dipandang tinggi dan disebut sebagai contoh anak berbudi.

Anak-anak di dalam keluarga adalah menjadi sumber kebanggaan dan kerusuhan perasaan ibu bapa. Anak-anak yang berjaya di dalam pelajaran dan mendapat pekerjaan yang baik akan menjadi buah mulut orang. Ia akan menaikkan status ibu bapa di kalangan masyarakat, dan itu adalah suatu yang sangat-sangat diharapkan oleh ibu bapa. Bagi anak-anak yang tidak berjaya ibu bapa mereka merasa kurang senang kerana masyarakat seolah-olah menganggap mereka tidak menyempurnakan obligasi mereka terhadap anak-anak.

Di dalam family orientation atau famili orientasi adik beradik yang tua baik lelaki atau perempuan diharapkan akan menolong ibu bapa menjaga adik-adik seperti menjaga makan minum mereka ketika ibu bapa keluar bekerja. Kakak atau abang adalah menjadi sebagai ketua ketika ibu tiada di rumah. Lebih-lebih lagi bagi famili yang tidak mempunyai ibu dan bapa, terpulanglah kepada abang dan kakak untuk mencari nafkah menyara adik-adik mereka.

Dari segi kuasa di kalangan adik-beradik, selalunya pihak yang tua samada abang atau kakak lebih berkuasa daripada adik-adik yang di bawahnya. Namun begitu tiada pula terdapat satu cara penurunan kuasa

yang menetapkan anak yang tua lebih berkuasa daripada adik yang muda. Hanya dianggap jika ada yang tua maka ialah didahulukan dan patut dihormati memandangkan ia lebih berpengalaman. Di kalangan adik beradik lelaki, kesemuanya adalah sama kuatnya di segi hak dan kuasa. Mereka adalah sama kuat untuk bertindak sebagai Kemulah⁴⁹ mengahwinkan adik beradik perempuan mereka. Namun begitu pada lazimnya adik beradik yang tua itu selalu didahulukan. Bagi adik beradik perempuan, mereka adalah menerima hak yang sama di segi pembahagian harta pesaka.

Hubungan antara anak dengan buapak adalah lebih formal dibandingkan dengan hubungan anak dengan ibu. Anak-anak sering takut kepada buapak. Buapak mempunyai kuasa yang kuat ke atas anak buahnya. Dalam soal pinang-meminang dan menjalankan majlis perkahwinan buapak memainkan peranan yang utama. Dalam pemerhatian penulis, sekarang ini rasa takut yang terjadi dalam hubungan anak buah dengan buapak, mula agak berkurangan terutama apabila anak buah itu mempunyai pelajaran dan kedudukan ekonomi yang tinggi. Namun begitu rasa hormat anak buah kepada buapak sebagai orang tua dan tua adat masih kekal terpelihara.

Kedudukan anak dengan famili orientasi ayah didapati lebih bersifat formal. Ini disebabkan adanya perasaan di kalangan anak yang menyangkakan ayah itu orang luar dan tempat tinggal antara keduanya pula berjauhan.

49. Istilah Kemulah di Kampung Pegoh ialah panggilan kepada bapa saudara atau mother's brother.

Oleh itu hubungan anak dengan famili orientasi ayah tidak berapa mesra dan erat.

Keadaan berbeza dalam hubungan anak dengan famili orientasi ibu, di mana hubungannya lebih mesra. Ini disebabkan kedudukan rumah keduanya berhampiran dan anak-anak itu senantiasa bercampur gaul dengan ahli-ahli famili orientasi ibu. Di Kampung Pegoh rumah-rumah bagi ahli-ahli famili orientasi ibu berhampiran antara satu sama lain.

Di Kampung Pegoh sering terdapat nenek tinggal di rumahnya sendiri. Terdapat juga famili-famili yang membawa nenek tinggal bersama-sama. Nenek ini diharapkan dapat menolong menguruskan rumah seperti menjaga anak kecil. Oleh itu hubungan antara cucu dengan nenek sebelah ibu iaitu mother's mother lebih mesra dan bersifat tidak formal.

4.2 : Perkahwinan.

Perkahwinan di dalam masyarakat Adat Perpatih adalah diluluskan antara lelaki dan perempuan yang berlainan suku. Perkahwinan lelaki dengan perempuan yang sama suku adalah dilarang keras di sisi adat walaupun syarak membenarkannya. Pernah berlaku satu kes perkahwinan dengan suku yang sama: perkahwinan itu dijalankan dengan tidak mengikut cara adat.

Pada pandangan adat, perempuan adalah sebagai harta dan kepadanya terserah kuasa menjadi pemegang milik harta pesaka seperti tanah, rumah dan ternakan. Inilah sebabnya anak gadis di masa tradisional dikawal rapi

sehingga telah mencapai taraf isteri/ibu. Mereka harus tinggal di rumah, diberi didikan agama dan hal-hal menguruskan rumah tangga. Mereka diharapkan akan berkahwin dengan jejaka yang berbudi pekerti, cerdik, rajin dan berkebolehan dalam menokok tambah apa yang sedia ada. Dalam hal ini pernah perjodohan lebih dititek-beratkan untuk menyambung pertalian keluarga seperti perkahwinan dengan seppu.

Perkahwinan yang sebenar, pada pandangan adat, adalah lebih mementingkan kesuburan waris, keluarga dan seterusnya kekayaan juga kebahagian suku. Ada beberapa cara perkahwinan dilakukan iaitu cara biasa dan cara lain daripada biasa tetapi adalah dilembagakan (institutionalized)⁵⁰

4.2.i : Cara Biasa

(a) Perkahwinan Anak Dara.

Aturan biasa yang dilakukan dalam perkahwinan mengandungi enam peringkat istiadat iaitu merisik, meminang atau menghantar tanda, berkampung, langsung atau mengisi adat, bertandang atau menyalang dan akhirnya menikam jejak.

Merisik: Faktor persesuaian di sudut ekonomi, sosial dan peribadi antara pihak lelaki dan perempuan hendaklah dipertimbangkan terlebih dahulu sebelum wakil⁵¹ pihak lelaki pergi merisik ke rumah pihak perempuan.

50. Zainal Kling, op. cit., halaman 209.

51. Wakil pihak lelaki itu biasanya dari kerabat-kerabat dekat pihak lelaki seperti emak saudara terutama sekali isteri bapa saudara kedin.

Apabila dirasakan terdapat persesuaian dan berkenan di hati lelaki terhadap perempuan yang dihajati barulah wakil pihak lelaki pergi ke rumah pihak perempuan. Dalam membuat keputusan samada diterima atau tidak, terdapat permuafakatan antara kerabat-kerabat yang dekat bagi pihak perempuan. Antara yang mesti ada ialah bapa saudara kedim (kemulah), adik beradik perempuan ibu dan juga ibu bapa sendiri. Sekiranya ramai kerabat-kerabat itu yang bersetuju terutama kedim maka risikan itu diterima dan dibuat perjanjian tentang tarikh juga masa bilakah pihak lelaki menghantar tanda kepada pihak perempuan.

Setelah dipersetujui, tanda dihantar secara resmi, ibu bapa pihak lelaki dan perempuan akan memberitahu buapak suku masing-masing dan kesemua saudara mara agar datang di hari tersebut.

Pinangan atau menghantar tanda: Kira-kira seminggu selepas risikan buapak dan kedim pihak lelaki akan membawa tanda ke rumah pihak perempuan. Buapak lelaki akan menyatakan hajatnya dan menyerahkan tanda berupa wang \$25.00 dan sebetuk cincin. Buapak pihak perempuan akan menerima tanda-tanda tersebut. Tanda itu diserahkan pula kepada kedim dan ibu bapa perempuan.

Disebabkan peredaran masa, satu perjanjian di luar adat dibuat, di mana sebelum aturcara menghantar cincin dijalankan selalunya perjanjian dibuat antara ibu bapa pihak lelaki dan pihak perempuan untuk menambah wang hantaran dari \$152.50 hingga \$500.00.⁵² Segala hantaran ini akan di-

52. 'Hantaran hangus' ini tidak ditetapkan, malahan semakin meningkat dari semasa ke semasa. Nilai 'hantaran hangus' ini banyak

catitkan dalam daftar nikah. Tujuannya jika terjadi sebarang bentuk perbalahan antara suami dan isteri hingga mengujudkan penceraian atas keadaan: Si perempuan tidak menyukai suaminya, baru mendirikan rumah tangga dalam jangka masa satu atau dua bulan belum mempunyai anak, maka wang tadi akan dikembalikan balik kepada pihak lelaki.

Dalam istiadat menghantar tanda, kedua-dua pihak membuat perjanjian jarak lama pertunangan dan syarat-syarat perjanjian. Kata-kata perbilangan sering digunakan dalam membuat perjanjian ini seperti:

"Helah lelaki loncor
Helah perempuan ganda".⁵³

Maksudnya di sini jika pihak lelaki mungkir janji, maka segala tanda pertunangan akan mansuh. Tetapi jika pihak perempuan yang membuat helah, maka dia terpaksa membayar dua kali ganda nilai tanda yang telah diterimanya daripada pihak lelaki.

Syarat-syarat di atas dikecualikan sekiranya salah satu daripada pihak itu mati, cacat disebabkan kemalangan atau dihindangi penyakit gila. Di dalam Adat Perpateh, tempuh lama masa perjanjian pertunangan boleh di-singkatkan atau dilambatkan, ini bergantung kepada permuafakatan antara ibu bapa lelaki dengan ibu bapa pihak perempuan. Orang-orang ada mengatakan

bergantung kepada situasi seperti persaingan terhadap gadis yang dipilih, taraf famili-famili yang terlibat dan sikap kebendaan yang semakin menjadi dominan dalam perhitungan perkahwinan.

53. Zainal Kling, op. cit., halaman 217.

jika pihak lelaki yang ingin mempercepatkan tarikh perkahwinan dikatakan "orang lelaki minta oso dicepatkan" dan keadaan ini adalah sebaliknya kepada pihak perempuan.

Berkampung: Istiadat berkampung dijalankan selalunya dua hari sebelum olek atau majlis perkahwinan dijalankan. Di masa berkampung ke semua waris dan orang semenda perempuan berkumpul membuat kerja-kerja seperti mendirikan balai makan dan menyiapkan kelengkapan memasak yang dilakukan secara gotong-royong. Di sini terdapat pembahagian tugas antara lelaki dan perempuan. Pihak waris lelaki membuat kerja-kerja yang berat seperti mendirikan balai makan⁵⁴ dan pihak waris perempuan pula membuat kerja-kerja seperti membuat kueh dan menyediakan kelengkapan memasak.

Sejak hari berkampung hingga tiba hari perkahwinan buapak mempunyai kuasa yang kuat dalam mengarahkan majlis. Buapak menugaskan waris atau orang semenda perempuan waris itu menjemput orang-orang panggilan datang ke majlis tersebut. Buapak juga menugaskan seorang semenda lelaki menjemput dan memberitahu buapak, kedin dan sanak saudara pihak lelaki tentang alat-alat yang dibawa pada hari mengisi adat. Pihak lelaki dikehendaki membawa pakaian persalinan (sehelai baju, sehelai kain, sehelai tudung kepala), belanja adat M\$60.08¢, mas kahwin M\$25.00¢ dan bayaran-bayaran lain sejumlah \$18.50¢ (termasuk pendaftaran di pejabat kadhi dan

54. Balai makan di kawasan kajian selalunya diperbuat daripada batang buluh beratapkan kain layar (canvas), yang dibuat secara gotong royong. Di masa sekarang bagi keluarga yang berada, balai makan diperbuat daripada kayu papan beratapkan zing yang disewa daripada taukeh-taukeh Cina secara membayar upah.

dan upah nikah).

Di dalam menentukan sebesar manakah majlis yang diadakan, buapak akan bermuafakat dengan ibu bapa anak yang akan berkahwin. Sekiranya majlis itu sederhana maka buapak akan mengarahkan orang semenda menjemput had-had tertentu. Sekiranya majlis itu secara besar-besaran para jemputan dijemput melalui panggilan semenda (untuk orang dalam dalam kampung) dan jemputan kad kepada orang-orang jauh.

Menguruskan para jemputan melalui kad kahwin ini tidak dijalankan oleh buapak tetapi dilakukan oleh pihak perempuan atau pihak lelaki. Jemputan menggunakan kad ini merupakan unsur moden yang telah meresap ke dalam masyarakat Perpateh.

Istiadat berinai: Istiadat berinai dijalankan di rumah pengantin perempuan pada malam sebelum hari perkahwinan. Istiadat ini merupakan titik mula majlis perkahwinan. Pengantin perempuan akan dibubuh inai⁵⁵ pada jari kaki dan tangan. Istiadat ini dijalankan di atas pelamin yang letaknya di tengah-tengah rumah bersandarkan dinding bilek. Pada masa istiadat ini juga pengantin perempuan dipakaikan pakaian pengantin tanpa pengantin lelaki.

55. Inai diperbuat daripada daun pokok inai. Daun pokok ini ditumbuk sehingga halus dengan dibubuh sedikit kunyit, air, asam gelugur dan arang. Daun-daun yang ditumbuk ini dibubuh pada jari-jari kaki dan tangan. Ini akan meninggalkan bekas berwarna merah.

Sekiranya olek itu besar maka diadakan istiadat berzikir dan berzanji hingga larut malam. .

Kemeriahan istiadat berinai sebenarnya tidaklah semeriah istiadat persandingan yang dijalankan esok harinya. Pada malam tersebut hanya jiran-jiran berdekatan rumah sahaja yang datang untuk menyaksikan istiadat tersebut.

Langsung atau mengisi adat: Hari langsung atau mengisi adat merupakan upacara kemuncak dalam istiadat perkahwinan. Hari tersebut merupakan hari yang paling sibuk sebab kehadiran semua jemputan dan kerja-kerja menyediakan hidangan.

Dari kajian yang dijalankan penulis, terdapat pembahagian tugas yang ketara dalam organisasi majlis yang diadakan. Buapak merupakan sebagai pengarah dalam majlis tersebut. Dialah yang memberi tugas kepada orang-orang tertentu supaya memasak, mengangkat air dan mencuci pinggan mangkuk. Semua kekurangan seperti kueh dan nasi untuk ditambah dilaporkan kepada buapak. Dalam hal ini perbilangan ada mengatakan:

"Barang tak boleh bertanya
Barang yang lebih dia boleh mengambil".⁵⁶

Maksud perbilangan di atas ialah semua kekurangan di dalam majlis seperti kueh-mueh dan lauk pauk dirujuk kepada buapak dan sekiranya

56. Kata dari Sidang Othman bin Ibrahim, Batu 16½, Kampung Pegoh, Alor Gajah, Melaka.

terdapat lebih makanan setelah majlis selesai, buapak dibenarkan mengambilnya. Segala arahan buapak kepada anak buahnya mestilah dipatuhi. Anak buah yang melanggar arahan buapak dianggap Sial layah dan dia didenda oleh buapak \$3.60. Di hari tersebut, buapak boleh mengarah se kedim, waris dekat dan waris jauh (sekiranya mahu bercampur adat).

Habuan yang diterima buapak pada hari tersebut ialah \$2.00 sebagai saksi nikah, \$2,00 sebagai saksi wali dan telur 2 biji. Wang denda adalah di bahagi-bahagi antara suku waris yang hadir dalam majlis berkampung dan tidaklah dibolot oleh buapak/ketua adat yang menjatuhkan hukum itu.

Orang-orang semenda dan waris adalah ditugaskan membuat kerja-kerja memasak dan mengangkat air. Oleh kerana perubahan masa, terdapat sekarang tugas-tugas memasak ini diupah kepada individu-individu luar yang pandai memasak.

Jiran-jiran perempuan yang berhampiran, orang semenda dan waris-waris perempuan diberikan tugas menghidangkan makanan. Tiap-tiap sebuah dulang yang siap dihidang, dipanggil jambar. Sekarang hidangan adalah ditugaskan kepada belia lelaki dan perempuan. Jambar-jambar disediakan untuk hidangan pegawai-pegawai adat manakala para jemputan dijamu dengan makanan yang disusun di atas meja panjang.

Orang pangkal adalah istilah yang digunakan kepada keluarga yang rapat atau waris yang datang awal-awal hari bagi menyediakan barang-barang

masakan, menyembelih kerbau atau lembu. Biasanya orang-orang yang datang awal itu ialah orang-orang dalam kelompok sepangkal dengan tuan rumah, dan juga orang semenda kelompok itu.⁵⁷ Biasanya di Kampung Pegoh, kira-kira pukul 10 pagi kerja-kerja menyembelih dan menyiapkan kelengkapan memasak selesai. Orang pangkal akan diberi makan nasi yang dipanggil makan pangkal. Jenis lauk yang dihidangkan adalah rengkas.

Orang-orang yang datang menolong membuat kerja-kerja tadi adalah mengharapkan supaya orang lain juga akan datang ke rumahnya apabila dia mengadakan majlis. Ini adalah hubungan reciprocal yang sangat-sangat dijaga oleh setiap orang. Orang-orang yang tidak pergi menolong ke rumah orang lain maka orang tidak akan menolong ke rumahnya pula.

Berhubung dengan kedudukan kedin di majlis perkahwinan, perbilangan adat ada menggambarkan:

"Kurang dia menukuk,
Kalau lebih dia mengambil".⁵⁸

Maksud perbilangan di atas ialah sekiranya terdapat sebarang kekurangan di segi perbelanjaan haruslah dia membantu dan sekiranya terdapat lebihan dia berhak mengambilnya.

Biasanya orang yang pergi ke majlis perkahwinan dipanggil pergi panggilan. Orang-orang perempuan ada yang membawa beras pulut dan telur


57. Zainal Kling, op. cit., halaman 221.

58. Kata-kata dari Sidang Othman bin Ibrahim, Batu 16½, Kampung Pegoh, Alor Gajah, Melaka.

yang direbus. Beras yang dibawa sebanyak segantang, telur dan nasi kunyit akan dicatit. Barang-barang yang dibawa ini sebagai tanam modal yang tidak diharapkan bunga (interest), sekadar akan dibalas sebanyak itu juga sekiranya pihak yang membawa tadi mengadakan majlis yang sama. Pada masa ini terdapat satu amalan baru khasnya pada golongan-golongan muda di mana mereka memberi hadiah dari sebarang benda. Hadiah-hadiah ini diperagakan di halaman rumah bagi tuntunan ramai.

Kedatangan mempelai lelaki bersama-sama pengiring-pengiringnya ke rumah perempuan kira-kira pukul satu tengahari. Buapak pihak lelaki akan menyerahkan belanja adat dan segala belanja-belanja lain kepada buapak pihak perempuan di bahagian balai yang dipanggil selasa.

Susunan di dalam selasa adalah seperti di bawah



Apabila semua telah dibayar pengantin lelaki akan diakad nikah oleh Imam atau naib kadhi dengan disaksikan oleh Pegawai Syarak. Acara akad nikah ini adalah acara terpenting yang menentukan sah atau tidaknya perkahwinan itu di sisi agama. Tanpa istiadat ini seluruh perkahwinan

itu tidak sah dan anak yang lahir daripada hubungan jenis lelaki dan perempuan dianggap anak haram atau melakukan zina.

Setelah selesai istiadat ini upacara perarakan dan persandingan dijalankan. Setelah itu kedua mempelai dibawa naik ke rumah. Ketika di atas rumah pengantin lelaki tidak dibenarkan masuk kecuali membayar wang hambat pintu M\$1.80.⁵⁹ Pembayaran wang hambat pintu masih diamalkan di Kampung Pegoh.

Pengantin perempuan dan lelaki akan disandingkan di atas pelamin dan selepas itu diadakan istiadat menepung tawar. Setelah selesai bersanding maka selesailah istiadat pada hari itu.

Bertandang atau menyalang: Majlis ini diadakan di rumah pihak lelaki selalunya sehari selepas majlis perkahwinan di rumah perempuan. Di masa dahulu majlis ini dijalankan satu atau dua hari selepas langsung di rumah perempuan tetapi sekarang terdapat perubahan di mana majlis bertandang diadakan keesukan harinya. Ini dibuat untuk menyegerakan majlis agar cepat selesai.

Istiadat menyampai boko : iaitu pulut yang dibalut dengan daun pisang sebesar pinggan makan diadakan. Boko yang dibawa oleh pihak perempuan ini di bahagi kepada suku waris pengantin lelaki dengan dikenakan M\$1.00 tiap satu boko. Pihak perempuan juga diminta menyediakan dua jenis

59. Lihat tafsiran de Jong P.E. de J., 1960, Minangkabau and Negeri Sembilan, (Socio Political Structure in Jelebu), Bharata, Djakarta, halaman 130.

boko yang agak istimewa iaitu boko yang besar dengan 20 biji telur dan seekor ayam panggang untuk diserahkan kepada ibu bapa lelaki. Boko yang satu lagi dibubuh seekor ayam panggang untuk diserahkan kepada saudara kedin pihak lelaki.

Istiadat menikam jejak: Sebenarnya istiadat menikam jejak dijalankan apabila kedua pihak lelaki dan perempuan yang baru berkahwin dan saudara kedua pihak mempunyai masa kelapangan. Pengantin baru tadi membawa penganan (dodol) ke rumah saudara mara untuk berkenalan. Pihak yang menerima kedatangan kedua pengantin tadi selalunya menyediakan makanan dan minuman. Sekarang istiadat ini tidak berapa kerap dijalankan sebab masalah kewangan. Apatah lagi kalau pihak yang terlibat bekerja di luar kampung.

(b) Perkahwinan Janda.

Perkahwinan janda tidaklah begitu meriah dibandingkan dengan perkahwinan anak dara. Perkahwinan janda ialah bagi perempuan yang telah bercerai (berpisah) dengan suaminya dan ingin berkahwin kali kedua, ketiga dan seterusnya. Taraf atau nilai yang diletakkan ke atas janda adalah rendah iaitu separuh daripada hantaran kepada anak dara iaitu \$30.00, tetapi mas kahwinnya tetap tidak berubah \$25.00. Perbelanjaan-perbelanjaan lain sama juga seperti mengahwini perempuan dara.

Seorang janda boleh hidup dan membuat keputusan sendiri. Dia dianggap telah dewasa dalam hal-hal rumah tangga malah dialah yang menjadi

pencari rezeki dan ketua rumah kepada anak-anaknya. Sebelum dia dikahwinkan, walinya mesti mendapat persetujuannya.

(c) Kahwin Gantung.

Kahwin gantung adalah perkahwinan yang tidak selesai, di mana ada bahagian istiadat tertentu digantung. Dalam perkahwinan bentuk ini upacara langsung dan bersanding tidak dilakukan. Apa yang diutamakan ialah upacara ugama iaitu akad nikah untuk mengesahkan perkahwinan tersebut.

Setelah upacara akad nikah dijalankan, di segi ugama antara lelaki dan perempuan itu dihalalkan mengadakan hubungan jenis dan boleh tinggal sebagai suami isteri. Di segi adat pula, kedua suami isteri ini tidak boleh tinggal bersama dan mengadakan hubungan jenis kecuali upacara langsung dan bersanding telah dijalankan. Tiadalah terdapat satu-satu hukuman sekiranya orang yang berkahwin gantung melakukan hubungan jenis.

Namun begitu masyarakat memandang janggal akan perbuatan tersebut seolah-olah pasangan itu tidak sabar-sabar menanti upacara olek.

Ada dua sebab utama perkahwinan gantung dijalankan iaitu pertamanya lelaki yang menghajati perempuan itu akan pergi jauh. Kes kahwin gantung kerap berlaku di Kampung Pegoh.

Sebab kedua ialah ibu bapa kepada perempuan itu akan merasa tinggi status di kalangan masyarakat sekiranya anak daranya yang masih muda itu

dipinang orang, seolah-olah anak perempuan mereka ada harga sejak belasan tahun lagi. Mereka akan membandingkan pula anak-anak mereka dengan anak-anak dara tua yang lambat kahwin.

Yang amat menarik sekali seolah terdapat satu nilai pelaburan di sebalik kahwin nikah gantung yang terutamanya melibatkan "bakal menantu asykar". Isteri yang dikahwin gantung itu akan menerima gaji tiap-tiap bulan dan ini mendatangkan sumber kewangan kepada keluarga.

4.2.ii : Aturan Lain Daripada Biasa.

Perkahwinan berbentuk lain daripada biasa ini adalah diakui dan dilembagakan. Terdapat tiga bentuk perkahwinan jenis ini iaitu menyerah, merumah dan sesalahan.

Menyerah: "Menyerah" merupakan proses di mana lelaki duduk di serambi rumah wanita yang dihajati dengan menyatakan tujuan kedatangannya, iaitu untuk berkahwin. Kedatangan lelaki itu diiringi oleh sahabat handainya. Ibu bapa perempuan termasuk Kedim (kemulah) dan buapak suku akan berbincang dengan ibu bapa, Kedin dan buapak suku lelaki itu berhubung dengan kes tersebut. Pihak perempuan boleh meminta apa sahaja dari pihak lelaki. Jika pihak perempuan menerima mengikut adat, lelaki tersebut dikehendaki membayar wang sebanyak \$7.20 sebagai denda kesalahannya. Lain-lain perbelanjaan dalam istiadat perkahwinan sama seperti perkahwinan biasa.

Kebiasaannya untuk memudahkan proses ini pihak lelaki dengan keluarga pihak perempuan telah bermuafakat secara sulit terlebih dahulu

agar menerimanya apabila menyerah.

Merumah: Proses merumah lebih agresif dibandingkan dengan proses menyerah. Dalam merumah pihak lelaki bukan sahaja naik ke rumah tetapi masuk ke bilik perempuan yang dihajati. Berhubung dengan hal ini, perbilangan ada mengatakan:

"Orang merumah :
Hati berani,
Senjata tajam,
Mulut lancar,⁶⁰
Emas banyak".

Tujuan orang merumah adalah untuk menyampaikan hajat sekiranya pinangan mereka ditolak ataupun perempuan yang dihajati telah dipinang orang.

Bentuk penyelesaian yang dibuat agak berbeza sedikit dengan menyerah. Mengikut adat, pihak lelaki dan perempuan dikenakan membayar M\$7.20. Pihak perempuan didenda kerana dipercayai sekiranya ia tidak membukakan pintu, lelaki itu tidak boleh masuk ke dalam rumahnya. Istiadat akad nikah selalunya dijalankan di malam itu juga. Sekiranya kemulah dan buapak masing-masing bersetuju tentang hari perkahwinan ditetapkan di hari lain, maka istiadat perkahwinan tidak dijalankan pada malam itu.

Sesalahan atau terkurung: Perkahwinan dari proses ini di dalam adat perpatih dianggap kurang baik di segi moral. Kedua-dua lelaki dan

60. Zainal Kling, op. cit., halaman 210.

perempuan yang bukan muhrim dikahwinkan apabila dijumpai berdua-duaan di dalam bilek rumah perempuan. Kedua-dua mereka akan dikurung dan penyelesaian dibuat oleh buapak dan kedua-dua pihak. Mengikut adat, lelaki terpaksa membayar denda yang berlipat ganda daripada biasa selain daripada mendapat malu. Kes seperti ini di zaman sekarang disebut tangkap basah dan pernah berekor dengan pukul memukul atau berarak ke balai polis. Orang yang melakukan kesalahan ini akan dikahwinkan pada malam itu juga.

Lari kahwin: Perkahwinan bentuk ini berlaku sekiranya ibu bapa lelaki atau perempuan atau kedua-duanya enggan mengahwinkan anak-anak mereka. Oleh itu untuk memenuhi hajat, si gadis dan si lelaki itu akan lari keluar dari kampung untuk berkahwin di tempat lain. Perkahwinan melalui proses ini dianggap tidak manis dan mendapat cemuhan ramai.

4.3 : Pemilihan Jodoh.

Dalam komuniti Perpatih, perkahwinan merupakan bidang yang paling rapat dengan kekeluargaan. Ia menjelmakan hubungan antara dua clan/suku. Ada dua prinsip yang mengatur hubungan antara dua suku iaitu prinsip perkahwinan exogami dan keduanya, bidang ugama yang meletakkan batasan-batasan tertentu di dalam pemilihan jodoh.

Prinsip exogamy: Prinsip perkahwinan exogamy⁶¹ dianggap sebagai

61. Notes and Queries mendefinisikan exogamy sebagai: "prohibition of marriage within a specific group" Royal Anthropological Institute of Gt. Britain and Ireland, Notes and Queries on Anthropology, Routledge and Kegan Paul, London, 1951, (rep. 1960) halaman 115.

mores kerana jika orang melanggarnya, orang itu akan mendapat hukuman berat. Perkahwinan antara anggota-anggota yang sama suku dianggap sumbang. Keadaan yang wujud sekarang menunjukkan prinsip ini masih dipegang kuat di dalam masyarakat Perpatih.

Namun begitu perkahwinan di antara sesama suku tidaklah mutlak: telah terdapat kes-kes di mana sepasang suku waris yang melakukan hubungan jantina sebelum mereka berkahwin. Kedua-duanya terpaksa dikahwinkan juga jika dapat ditangkap.

Perkahwinan yang sama suku telah melanggar prinsip exogami dan merosakkan cosmic order bagi adat yang ideal.

Hukumannya:

1. Biasanya si lelaki itu diminta keluar dari suku itu dan masuk ke suku lain.
2. Pihak yang bersalah tidak boleh menuntut harta pesaka serta keistimewaan yang ia layak atau berhak memperolehnya melalui adat.
3. Mereka dan juga keturunan mereka akan disisih daripada masyarakat adat. Dalam masyarakat di mana anggota-anggota bergantung kepada adat dalam beberapa perkara, hukuman demikian memang berat.
4. Lari balik kepada Adat Perpatih.

Bila terdapat keadaan yang demikian, orang yang menghakimkannya ialah Lembaga. Dia menjatuhkan denda iaitu seekor kerbau, 50 tali kelapa

(100 biji) dan wang sebanyak nilai adat pesaka itu. Barang-barang ini untuk dibuat kenduri bertujuan untuk membetulkan semula kesalahan yang telah dilakukan itu. Istiadat ini dinamakan bertimbang salah. Di dalam istiadat bertimbang salah ini, orang yang berkahwin sama suku itu diceraikan, dan dibimbing kembali ke jalan adat - dalam hal ini, kembali menghormati kedudukan sama suku berhubung dengan pemilihan jodoh.

Perinsip Ugama

Ugama Islam meletakkan batasan-batasan tertentu di dalam pemilihan jodoh. Kategori-kategori yang ditegah Islam untuk berkahwin ialah kerabat-kerabat perempuan yang dikatakan muhrim dan kerabat-kerabat lelaki dari pihak bapa yang dikatakan wali. Kerabat-kerabat perempuan yang muhrim digolongkan kepada tiga bahagian iaitu pertama sebab keturunan seperti ibunya ke atas serta ibu bapa seterusnya ke atas anak-anak cucu dan adik beradik perempuan kepada ibu dan bapa. Larangan yang kedua ialah emak mertua, emak tiri ataupun menantu. Larangan yang ketiga ialah adik beradik sepersusuan.⁶²

Larangan perkahwinan daripada golongan wali ialah kerabat-kerabat yang terikat dalam hubungan waris, iaitu hubungan yang terus dari kekembangan bapa. Kerabat-kerabat ini cuma terhad kepada status lelaki sahaja.

62. Untuk keterangan lanjut lihat : H. Sulaiman Rasjid, Fiqh Islam, Djakarta, 1960, halaman 371 dan 376.

Jelas di sini menunjukkan bahawa batasan-batasan pemilihan jodoh di dalam Adat Perpatih mempunyai kaitan yang rapat antara kategori-kategori larangan-larangan adat dengan beberapa kategori larangan ugama.

Di Kampung Pegoh, orang-orang yang memilih jodoh dengan anak bapa saudara sebelah ibu (anak kemulah) atau cross-cousin marriage paling disukai. Ini disebabkan persaudaraan antara kemulah dan keluarga anak buahnya dapat dieratkan. Hal ini menaikkan status kemulah seolah-olah ia mempunyai power atau pengaruh ke atas adik beradik perempuannya untuk mengambil anak buahnya dijadikan menantu. Sekarang ini kuasa kemulah semakin lemah dalam menentukan perijodohan anak mereka kerana anak-anak muda sekarang lebih suka memilih jodoh sendiri.

Satu lagi bentuk pemilihan jodoh yang disukai oleh ibu bapa di Kampung ini ialah perkahwinan dengan saudara dekat baik dari pihak isteri ataupun suami. Pemilihan jodoh seperti ini, secara tidak langsung membawa implikasi penurunan harta pesaka. Oleh kerana menantu adalah anak buahnya maka segala harta yang diturunkan adalah juga didapati oleh anak buahnya. Ini menimbulkan rasa puas hati dari segi memastikan bahawa mana harta tidak jatuh ke tangan orang lain yang tiada mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan.

Aspek lain ialah oleh kerana lelaki yang bersemenda tadi adalah anak buahnya maka diharapkan ia akan menjaga hubungan antara kedua pihak dengan baik dan pula boleh diharapkan sekira berlaku ketegangan antara orang semenda dengan tempat semenda. Lelaki yang berkahwin sekampung,

memungkinkan juga tidak tinggal berjauhan dengan ibu bapanya. Ini membolehkan anak lelaki itu senantiasa hampir dengan ibu dan ayahnya. Percakapan yang dikeluarkan ialah : "Kalau apa-apa tumbuh senang memberitahunya". Perasaan yang diucapkan itu membawa maksud ibu bapa lelaki akan senang memberitahu anak mereka sekiranya apa-apa majlis diadakan seperti kenduri-kendara kerana anak-anak lelaki mereka tinggal sekampung di tempat semendanya.

Perkahwinan sekampung disukai kerana ini akan memudahkan penurunan jawatan-jawatan buapak atau lembaga. Sekiranya terdapat kekurangan lelaki di dalam satu-satu suku, akan sukarlah bagi suku itu untuk menurunkan jawatan tersebut kepada anggota sukunya. Tambahan pula orang-orang yang memegang jawatan pesaka ini mestilah kenal setiap anak buahnya dan mahir dalam hal-hal adat. Jika ia tinggal di tempat lain sudah tentu ia tidak boleh memegang jawatan tersebut.

Di Kampung Pegoh sekarang ini pemilihan jodoh di luar kampung sangat digemari oleh anak-anak muda. Ini disebabkan oleh tiga faktor utama iaitu pertamanya sebahagian besar anak-anak muda belajar dan bekerja di kawasan luar. Keadaan ini memungkinkan kadar pemilihan jodoh di luar kampung semakin bertambah. Faktor kedua adalah berkaitan dengan semakin lemahnya kuasa ibu bapa atau kemulah ke atas anak buah mereka di dalam menentukan perjodohan. Anak lebih suka mencari jodoh sendiri. Faktor ketiga ialah perubahan masa dan nilai amnya. Terdapat sekarang suatu macam penghargaan kepada orang-orang yang berkahwin di luar kampung :

mereka ini seolah memperoleh prestige dan status yang luar biasa tinggi.

Sebagai kesimpulan perut sebagai sebuah organisasi sosial adalah memainkan peranan yang penting dalam hal-hal bersabit dengan kekeluargaan, perkahwinan dan pemilihan jodoh.

Dalam hal-hal bersabit dengan kekeluargaan, terdapat sistem peristilahan panggilan antara anggota di dalam keluarga. Faktor-faktor perbezaan dalaman seperti umur, jantina dan tertib kelahiran adalah menentukan pangkat panggilan yang digunakan. Bagi satu-satu famili asas yang dianggotai oleh ibu, bapa dan anak-anak, rol yang penting dalam urusan rumah tangga dan sosialisasi anak-anak adalah dimainkan oleh isteri.

Bagi suami pula, selain rolnya sebagai ketua rumah ia adalah menjadi orang utama sebagai pencari nafkah bagi menyarai anggota-anggota familinya. Bagi anak lelaki yang menganggotai satu-satu perut, mereka mempunyai kewibawaan yang extreme untuk menyingkirkan bapanya jika bapanya itu tidak berlaku adil kepada ibunya atau umumnya kepada sistem pengharapan tempat semenda.

Dalam hal-hal bersabit dengan perkahwinan perut sebagai sebuah organisasi sosial adalah memainkan peranan:

(a) Menyediakan tenaga kerja bagi istiadat perkahwinan. Tenaga kerja ini didatangkan dari kesemua anak buah secara sukarela.

(b) Sekiranya wujud sebarang konflik di antara ahli-ahli perut di masa diadakan majlis perkahwinan, hal ini akan diselesaikan oleh

buapak melalui majlis berkampung yang dihadiri oleh anak buah. Peranan perut di sini adalah sebagai institusi mengujudkan perpaduan di kalangan anggota.

(c) Dalam majlis perkahwinan kedim adalah ketua dalam majlis tersebut. Oleh kerana di segi adat buapak menjadi ketua perut, bagi menghormati jawatan ini maka ketua dalam menguruskan majlis perkahwinan adalah diserahkan kepada buapak.

Dalam hal-hal bersabit dengan pemilihan jodoh pula, perkahwinan sesama suku antara lelaki dengan perempuan dilarang keras. Seorang lelaki hendaklah mencari isteri dari perempuan-perempuan di luar sukunya. Di sini memperlihatkan pemilihan jodoh seseorang itu telah ditetapkan kepada batasan-batasan tertentu dan dalam hal ini mesti diikuti. Sekira melanggarnya adalah merupakan kesalahan adat yang besar. Bagi kedim pula iaitu ketua dalam satu-satu jurai; dia adalah menjadi orang perantaraan sebagai wakil pihak perempuan khususnya dalam pinang meminang.

BIBLIOGRAFI

1. Abdul Rahman bin Hj. Mohammad, Dasar-Dasar Adat Perpatih, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1964.
2. Chander R., Banci Penduduk Dan Perumahan Malaysia 1970, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, April 1971.
3. Che Uda Che Nik, "Struktur Sosial Dan Ekonomi Di Wilayah Adat Perpatih Naning 1900 - 1940", Latihan Ilmiah 1973, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur.
4. Cyril S. Blashaw, The Traditional Exchange and Modern Markets, Prentice-Hall 1965.
5. Datuk Samad Idris, "Benarkah Demokrasi Bermula Di Minangkabau", Dewan Masyarakat, Jun 1974.
6. de Jong P.E. de J., Minangkabau and Negeri Sembilan, (Socio Political Structure in Jelebu), Bharata, Djakarta, 1960.
7. Fox R., Kinship and Marriage, A Pelican Original, Penguin Book Ltd. England.
8. Gehard Lensky, Human Societies, Mc Graw-Hill Book Company, 1970.
9. Gullick J.M., Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Cetakan Pertama.
10. Hooker M.B., Adat Laws in Modern Malaya, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1972.
11. Innes, "Notes On Naning Customs", Suratan Harvey MSS SP 16/2/6 - 5 July, 1892, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
12. Kahar Bador, Kinship and Marriage Among the Negeri Sembilan, (unpublished typescript thesis submitted for the degree of Master of Arts in the Department of Anthropology), Londoh School of Economic, University of London.
13. Mohamed Din Ali, Sambaan Cakap dan Pepatah Adat Melayu, The Economy Printers Ltd., Kuala Lumpur.

14. Mohamed Din Ali, "Malay Customary Law/Family", Intisari, Vol. 2, No. 2, Malaysian Sociological Institute Ltd., Singapore.
15. Mohd. Dahlan Hj. Aman, "Pentadbiran Adat Ke Atas Sistem Tanah Di Naning - Melaka, Latihan Ilmiah 1968, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
16. Mokhzani B.A.R., The Study of Social Stratification and Mobility in Malaya, University of Malaya, Reprinted for East Asia Culture Studies, March, 1965.
17. Nordin Selat, "Pimpinan Dalam Adat Perpatih", Seminar Persejarahan Dan Adat Perpatih, Anjuran Majlis Belia Negeri Sembilan, 1974.
18. Norhalim bin Ibrahim, "Kekeluargaan Dan Ekonomi Dalam Masyarakat Melayu Desa Di Rembau", Latihan Ilmiah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
19. Notes and Queries on Social Anthropology, Routledge and Kegan Paul, London, 65h. ed. reprint 1960.
20. Radcliffe - Brown A.R. & D. Fordes (eds), African Systems of Kinship and Marriage, Oxford University Press, London 1958.
21. Ramsay A.B., "Notes On The Kampong Official in The Alor Gajah District of Malacca, 1932 - 1935, JMBRAS, Vol. xxiii, Pt. iii 1950.
22. Sulaiman Rasjid, Fiqh Islam, Djakarta, 1960.
23. Suratan Harvey, Notes On Naning Customs, SP 16/2/17, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
24. Swift M.G., Malay Peasant in Jelebu, London School of Economic, Monographs of Social Anthropology, No. 29, The Athlone Press, London, 1965.
25. Syed Husein Ali, Pattern of Rural Leadership in Malaya, Report of Research Carried Out Under The Sponsorship of UNESCO Research Center University Evclave Delhi, India.
26. Zainal Kling, "Sistem Penghulu Di Daerah Alor Gajah Melaka", Latihan Ilmiah 1966, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
27. Zainal Kling, "Sistem Kekeluargaan Di Melaka Utara", Latihan Ilmiah 1966, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

LAMPIRAN I

ATURAN HUKUM BUNUH

dikatakan oleh

Tengku Antah Yamtuan Serimenanti
Suratan Harvey, MSS. SP.16/2/14.

Cincang Pampas (ertinya orang yang melukai seseorang itu mahulah memberi seekor kerbau dan disembelih dan dimakan beramai-ramai dan kain 20 hasta akan pelilit yang luka itu) berdamailah.

Bunuh beri balas (ertinya sipembunuh membayar denda atau menyerahkan dirinya kepada waris yang terbunuh itu dan masuklah ia ke suku itu).

"Ini fasal hukum denda atas sipembunuh".

- 1) Jika Raja menghukum 66 kupang setahil 'Japita' (dibilangan ringgit menjadi \$28), iaitu di atas seorang yang membunuh orang dalam kampung Raja.
- 2) Jika penghulu menghukum sebahara (\$14).
- 3) Jika lembaga menghukum 20 serpi (\$7)

Jikalau sekiranya tidak mendapat kenyataan am siapa yang membunuh itu tetapi ada cedera hati pada seseorang maka Raja boleh meletakkan hukuman 66 kupang itu (28) pada tiap sebuah rumah yang berkeliling dekat orang yang terbunuh itu. Supaya jika mereka takut membayar denda itu, tentulah dikeluarkannya rahsia itu, dan jika tiada dikhabarkan rahsia itu, wajiblah ia membayar denda itu. Tetapi adatnya jikalau orang-orang yang akan kena denda itu pergi mendapatkan penghulu, maka bolehlah penghulu membayarkan denda itu separuh sahaja.

Demikianlah juga kalau salah kepada penghulu, boleh pula lembaga membayarkan denda itu separuh dan salah kepada lembaga, ketua suku boleh membayar separuh.

Adat dan hukum yang diamalkan pada zaman
tua-tua - Adat Perpateh

- A. 1. Berjuang naik
2. Bertangga turun.

Ertinya (1) Kesalahan anak buah yang tidak terbicara oleh Lembaga, dihadapkan kepada Undang (Penghulu) dan jika tidak terputus olehnya dibawa kepada keadilan (Raja).

(2) Apabila raja hendak menghukum/denda di atas seseorang rakyat maka terlebih dahulu ditibakan hukum itu kepada undang dan daripada undang itu dijatuhkan pula kepada lembaga, maka lembaga-lah menyampaikan hukum itu kepada anak buahnya.

- B. (I) Tali pengikat pada Raja (II) Keris penyalang kepada Undang, (III) Pedang pemancung kepada keadilan.

Ertinya: Anak buah yang bersalah itu diikat oleh lembaga, dihadapkan kepada undang, maka disalanglah oleh undang, jika tidak terputuskan bicara itu oleh undang, maka disembahkan kepada keadilan, Rajalah memancungnya.

- C. Perkara yang boleh dijatuhkan hukum bunuh:

- (I) Sumbang Salah (II) Upas Racun (III) Rumbun Bakar
(IV) Derhaka Celaka (V) Melesih Memotong.

- (I) Seorang yang berzina dengan saudara atau sukunya.
(II) Seorang yang memberi makan racun akan seseorang.
(III) Seorang yang membunuh lembaga.
(IV) Seorang yang mengenakan seseorang dengan aniaya hikmat hantu syaitan.

Itulah sahaja yang boleh dihukum bunuh. Tetapi jika seseorang salah itu terlepas daripada hukuman bunuh, itulah maknanya melarikan darah mati. Umpamanya jika tidak sempat ia masuk ke dalam kampung Raja, dicampakkan sahaja sepotongan kepalanya itu ke dalam pagar Raja, maka terlepaslah juga itu daripada hukuman mati itu, melainkan jadi orang dalam (hamba raja) selama-lamanya, dan jikalau dibunuh juga ia oleh sesiapa pun, maka di belakan oleh Raja 7 orang kepada waris yang membunuh itu.

- D. Adapun hukuman atas tikam bunuh, Samun samar, maling curi, dan sebagainya itu didenda dengan ringgit sahaja, iaitu dibawa orang salah itu oleh lembaga kepada undang maka jika kesalahan membunuh orang, maka dilacurkan oleh undang akan yang salah itu kepada pihak waris yang terbunuh, masuklah ia ke suku itu, ganti simati, maka waris pihak yang salah itu membayar hukum denda, kepada lembaga 20 emas (\$7) dan kepada undang sebahara (\$14) dan kepada Raja 66 kupang (\$28).

Tetapi bolehlah dengan mufakat, dibayarkan oleh lembaga akan denda itu kepada lembaga separuh sahaja dan yang separuh itu didapati oleh lembaga dan undang pun boleh juga membayar denda itu kepada Raja, separuh dan yang separuh itu undang mendapatnya.

Ada kala pula lembaga menghukum atas kesalahan anak buahnya dalam diam-diam sahaja, jika tiada diketahui oleh raja dan penghulu habislah begitu sahaja perkara itu. Tetapi jika diketahui oleh raja

atau penghulu, maka dikumpulkanlah pula akan orang salah itu, sebagaimana hukuman yang telah diadatkan itu, demikian lagi kalau penghulu menghukum diam-diam sahaja, itupun boleh raja menghukum sekali lagi akan orang salah itu.

Dan lagi jikalau orang yang bertikam, maka mati seorang, dan jika ketika itu dibela oleh waris yang mati itu dan mati pula yang menikam dahulu itu, tiadalah apa lagi perkaranya, melainkan kedua pihak waris itu membayar hukum denda kepada lembaga undang dan keadilan, bagaimana yang sudah diadatkan.

Sekian.

LAMPIRAN II

NAMA-NAMA PENGHULU NANING SEJAK ZAMAN
PORTUGIS HINGGA SEKARANG
1632 - SEKARANG

<u>NAMA</u>	<u>SUKU</u>	<u>TAHUN</u>
1. Datuk Siroja Merah	Biduanda	1632 (1052)
2. Datuk Siroja Merah II	Biduanda	TIDAK DIDAPATI
3. Datuk Juara Megat	Semelenggang	"
4. Datuk Gegah	"	"
5. Datuk Maulana Garang	"	"
6. Datuk Janggut	"	"
7. Datuk Timba	"	"
8. Datuk Anjak	"	"
9. Datuk Dol Said	"	-

DIPETIK DARI ABDULLAH B. ABDUL KADIR MUNSHI,
THE HIKAYAT ABDULLAH, A.H.HILL, JMBRAS, 1955,
VOL. 28, PT. III, KUALA LUMPUR, 1970 HAL. 355.

NAMA-NAMA PENGHULU NANING SELEPAS 1832

<u>NAMA</u>	<u>SUKU</u>	<u>PERUT</u>	<u>TAHUN</u>
1. Datuk Idas	Semelenggang	3	1834-1870
2. Datuk Mohd. Salleh	"	1	1870-1895
3. Datuk Ranting	"	2	1895-1900
4. Datuk Hassan	"	-	1900-1916
5. Datuk Umar	"	-	1917-1922
6. Datuk Osman Kering (Pada mulanya Datuk Arshad Pangku)	"	2	1925-1941
7. Datuk Che'lah	"	2	1946-1951
8. Datuk Mohd. Shah	"	3	1953-

PETIKAN DARI SHAHBA, PUSTAKA NANING,
KUALA PILAH, 1951 HALAMAN 55 - 60.

LAMPIRAN III

